

## Kisah Kejayaan Q1 2016 (JANUARI-MAC)

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M</b> <b>Nama PI1M</b>	<i>Pusat Internet 1 Malaysia Kg Simpang Sepayang.</i>
<b>Location</b> <b>Lokasi</b>	<i>Kuala Rompin, Pahang</i>
<b>Name of person(s)</b> <b>Nama</b>	<i>Nama : Sarina bt Mohamad</i>
<b>Details of person (s)</b> <b>Butiran diri</b>	<i>Umur : 34 Tahun          Jantina : Perempuan          Taraf Pendidikan : Diploma          Pekerjaan : Kerani/Peniaga</i>
<b>Success story</b> <b>Kisah kejayaan</b>	<p><i>Untuk suku pertama tahun 2016, Pi1m Kg Simpang Sepayang telah memilih seorang bekas pelajar yang telah mengikuti latihan di Pusat Internet 1Malaysia Kg Simpang Sepayang. Beliau merupakan ahli Pusat Internet dan telah mengikuti latihan Microsoft Office 2010, latihan INTEL dan Latihan Keusahawanan</i></p>
<b>Feedback</b> <b>Maklumbalas</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li><i>Pada pandangan pertama Cik Sarina, Pusat Internet 1 Malaysia yang ditubuhkan di Kg Simpang Sepayang adalah sangat bermanfaat untuk semua golongan terutamanya kepada golongan pelajar, belia, ibu bapa, dewasa, warga emas dan komuniti sekitar dan beliau berharap agar lebih banyak lagi Pusat Internet dapat ditubuhkan.</i></li> <li><i>Berdasarkan temu ramah dengan beliau, antara tarikan utama untuk beliau selalu datang menggunakan perkhidmatan di pi1m ialah dapat mengikuti program yang dijalankan secara percuma, dan membolehkan beliau menjalankan perniagaan secara atas talian.</i></li> <li><i>Antara cara Pi1m dapat membantu individu atau kumpulan lain adalah dengan membanyakkan program-program yang mana dapat membantu meningkatkan lagi taraf ekonomi penduduk setempat. Antara satu usaha yang telah dan sedang dijalankan ialah program latihan keusahawanan untuk membantu golongan yang berminat dengan bidang keusahawanan termasuklah beliau sendiri.</i></li> <li><i>Pada pandangan beliau, cara untuk menambahbaik Pi1M adalah dengan menambahkan lagi program PI1M dengan komuniti, menjadikan pi1m sebagai medan info pelbagai maklumat penting termasuklah berkaitan dengan kegiatan aktiviti penduduk setempat.</i></li> </ol>

## **KISAH KEJAYAAN**

Pada suku tahun yang pertama untuk tahun 2016 ini, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Kg Simpang Sepayang telah memilih salah seorang ahli PI1M sebagai kisah kejayaan. Bermula dengan mengikuti kelas latihan di Pusat Internet, Cik Sarina telah mengambil inisiatif untuk mengambil kelas latihan memandangkan beliau tidak mempunyai sijil kelas komputer. Sebelum beliau mengikuti kelas latihan komputer beliau merupakan seorang kerani di sebuah syarikat di Johor Bahru, kemudian beliau mengikut keluarga berpindah ke Kuala Rompin dan tidak mempunyai pekerjaan. Oleh yang demikian, beliau mengikuti kelas latihan di pusat internet ini sementara mengisi masa lapang sambil mencari peluang pekerjaan di kawasan Rompin.

Beliau mengikuti kelas latihan pada bulan Oktober 2015 tahun lalu. Antara pengisian pembelajaran di pusat internet yang telah diikuti antaranya kelas latihan asas komputer Microsoft Office 2010, kelas latihan INTEL Easy Step, dan juga kelas keusahawanan. Setelah beberapa hari mengikuti kelas di pusat internet, Cik Sarina berjaya menamatkan kelas latihan di pusat internet dengan jayanya dan mendapat sijil kelas komputer dari pusat internet.

Kini, setelah 5 bulan selepas mengikuti kelas latihan di pusat internet, cik Sarina telah mempunyai perniagaan kedai produk makanan Sunnah dan kesihatan di bandar Kuala Rompin. Kedai yang diberi nama “Rizquna Shop” menjual pelbagai jenis produk tempatan muslim, produk HPA, kesihatan/kecantikan, makana Sunnah dan juga makanan sejuk beku. Antara jualan yang mendapat permintaan yang tinggi adalah ayam organik sejuk beku keluaran muslim, pati durian belanda, keropok lekor Terengganu sejuk beku, roti canai sejuk beku dan pelbagai jenis produk kesihatan berdasarkan makanan Sunnah.

Selain mengikuti kelas latihan di pusat internet, beliau juga telah mengikuti pelbagai kursus keusahawanan dan motivasi yang lain bagi menambahkan lagi ilmu perniagaan beliau. Cik Sarina juga ada mempromosikan pelabagai jualan dari kedai beliau melalui aplikasi WhatsApp, dan Facebook: <https://www.facebook.com/rizquna.produkmuslim> selain menghubungi beliau terus dan boleh berkunjung ke kedai beliau sendiri untuk membeli produk dari kedai beliau.

Tiada apa yang mustahil untuk dicapai asalkan ada usaha untuk meningkatkan ekonomi diri sendiri. Perniagaan yang dijalankan secara “*offline*” mahupun “*online*” perlu ada sekurang-kurangnya sedikit ilmu keusahawanan. Beliau berharap perniagaan beliau terus maju dan segala apa yang telah dipelajari di Pusat Internet 1Malaysia akan digunakan dengan sebaiknya.

**Gambar dan Penerangan:**



Gambar: Sebahagian daripada gambar Cik Sarina mengikuti kelas di Pusat Internet dan juga produk-produk yang ada di jual di kedai beliau.